

09/03/1997

Mahathir hadir mesyuarat MSC

LANGKAWI: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tiba di sini petang semalam dengan pesawat khas bagi menghadiri mesyuarat Koridor Raya Multimedia (MSC).

Beliau yang ditemani isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid.

Sebaik tiba kira-kira 3.10 petang, Dr Mahathir terus ke Hotel Radisson di Tanjung Rhu untuk menghadiri mesyuarat itu.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, tiba untuk menghadiri mesyuarat yang sama.

Perdana Menteri dijangka mengadakan sidang akhbar selepas mesyuarat itu berakhir, esok.

Selepas itu, beliau bersama Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela yang turut berada di sini, akan melawat Galeri Perdana, Taman Lagenda Langkawi dan Dataran Lang.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri, akan meraikan Presiden Mandela sebelum pulang ke Kuala Lumpur.

(END)